

Amaran' PM penjajah akan kembali

SHAH ALAM 26 Ogos Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini memberi amaran kepada rakyat bahawa pihak yang pernah menjajah negara ini akan kembali semula untuk menjajah jika mereka terus leka dengan nikmat kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, hasrat kuasa-kuasa penjajah untuk menjajah semula sebenarnya tidak pernah padam walaupun mereka telah diusir oleh rakyat negara ini.

Katanya, kuasa-kuasa tersebut juga tidak pernah berputus asa untuk berbuat demikian dan akan melakukannya melalui pelbagai cara lain dan tidak semestinya melalui tindakan ketenteraan.

"Jangan fikir penjajah kita dulu sudah putus asa, sudah tidak jadi penjajah lagi, tidak berniat untuk menjajah lagi.

"Penjajah adalah seperti harimau belang, tak mungkin melupakan belangnya," katanya ketika brucap merasmikan Festival Kemerdekaan 2002 Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini.

Festival yang dianjurkan bersama oleh kolej-kolej kediaman UiTM itu dihadiri lebih 15,000 pelajar dan pensyarah universiti tersebut dari seluruh negara.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohd. Khir Toyo serta Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Dr. Mahathir berkata, niat penjajah untuk menjajah semula terbukti apabila sanggup menjatuhkan nilai mata wang negara ini pada tahun 1997 lalu supaya negara menjadi miskin.

Katanya, serangan itu dilakukan dengan harapan agar negara seperti Malaysia akan meminta bantuan pinjaman daripada mereka dan dengan itu pelbagai syarat yang menekan boleh dikenakan.

Syarat-syarat itu jelas Perdana Menteri jika diterima boleh menyebabkan sesebuah negara itu dijajah semula kerana politik dan ekonominya terpaksa mengikut kehendak kuasa penjajah berkenaan.

Malah ujar Dr. Mahathir, penjajah itu juga sanggup meletakkan syarat bahawa kepimpinan sesebuah negara itu mestilah ditukar jika mahukan pinjaman mereka diluluskan.

Kuasa penjajah itu menurutnya, turut

sanggup menjadikan sesebuah negara itu miskin dan melarat agar cengkaman mereka dalam bidang ekonomi dan politik berterusan.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat supaya berwaspada dengan niat jahat penjajah berkenaan yang mungkin bertindak semula pada bila-bila masa.

"Kata orang kalau tak boleh tanduk, telinga dipulas.

"Oleh itu berwaspadalah dan mesti pertahankan kemerdekaan negara kita," katanya sambil meminta para pelajar menghargai nikmat kemerdekaan yang dikecapi sekarang.

Pada ucapan itu, Dr. Mahathir meminta para pelajar agar menguasai pelbagai ilmu akan negara memiliki rakyat yang bijak serta mampu menjadi benteng kukuh untuk memertahankan kemerdekaan negara.

Selain itu katanya, perpaduan di kalangan rakyat juga harus dikekalkan kerana ia terbukti kekuatan yang amat penting dalam menentang penjajah seperti yang dibuktikan sewaktu menentang Malayan Union dahulu.